

06/12/2000

Tanggungjawab sosial perlu dipertingkatkan

KUALA LUMPUR, Selasa - Sektor korporat diingatkan supaya melaksanakan tanggungjawab sosial mereka terutamanya terhadap golongan yang kurang bernasib baik seperti anak yatim, warga tua dan orang kurang upaya.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata, pelaksanaan tanggungjawab sosial itu perlu ditingkatkan terutama menjelang musim perayaan.

"Hanya dengan cara ini sajalah mereka dapat menyambut kemeriahan Krismas dan sambutan Hari Raya Puasa sama seperti golongan lain di negara ini," katanya ketika melancarkan Projek Amal Bakti Hotel Hilton Kuala Lumpur di sini petang ini.

Hadir sama ialah Pemangku Pengurus Besar Hotel Hilton Kuala Lumpur, Dirk De Cuyper, penyelia dan kanak-kanak Pertubuhan Pendidikan Anak-Anak Yatim Rumah Bakti Selangor dan Miracle Home, Petaling Jaya.

Siti Zaharah kemudian berbuka puasa bersama penyelia dan kanak-kanak rumah kebajikan itu.

Projek amal bakti yang dikenali sebagai Kempen Amal Lampu Ajaib Aladdin itu diadakan dengan kerjasama syarikat penerbangan Emirates. Wang sumbangan akan disalurkan kepada kedua-dua badan kebajikan berkenaan.

Siti Zaharah berkata, inisiatif dan sikap pemurah Hotel Hilton dan Emirates harus diteladani hotel dan syarikat swasta lain terutamanya pada bulan Ramadan ini.

"Inilah semangat rakyat Malaysia yang tulen dan sejati yang amat diperlukan dalam usaha kita melahirkan masyarakat penyayang seperti yang diidamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

(END)